



## PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim **menafikan** dakwaan bahawa kawasan Pudu diisytiharkan sebagai kawasan PKPD. Beliau **menjelaskan** bahawa tindakan PDRM dan ATM mengepung sekitar kawasan Pudu dengan kawat berduri adalah sebagai tindakan mempertingkatkan kawalan pergerakan bagi membolehkan saringan COVID-19 dilaksanakan di kawasan tersebut.
2. Pihak Pengurusan Golden Screen Cinemas (GSC) **menafikan** gambar kerusi berkulat yang tular dalam media sosial adalah kerusi di panggung wayang milik GSC susulan penutupan operasi sejak PKP dikuatkuasakan. GSC **menjelaskan** sejak hari pertama PKP dikuatkuasakan, pihaknya memastikan peralatan dalam panggung sentiasa terpelihara dan berfungsi dengan baik demi keselesaan pelanggan apabila PKP ini tamat nanti termasuklah melakukan pemeriksaan pencegahan kulat/kelapuk pada tempat duduk dan premis panggung.

**Pasukan Respons Pantas  
KKMM  
16 Mei 2020 | 10.00 Pagi**

